

Cubaan seludup rokok RM11.3 juta tumpas

Kejayaan rampasan keempat JKDM Johor sejak Januari

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Iskandar Puteri: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor mematahkan cubaan seludup masuk 10.3 juta rokok putih yang dianggarkan bernilai RM11.3 juta, di Johor Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, kira-kira jam 4 petang, Rabu lalu.

Pengarah JKDM Johor, Datuk Mohammad Hamidan Maryani, berkata hasil pemeriksaan mendapati rokok itu dibawa dengan sebuah kontena yang dilabelkan sebagai alat ganti kenderaan.

Katanya, kejayaan itu adalah rampasan keempat sejak Januari lalu dan dalam kejadian terbaru itu, rokok terbabit dipercayai dibawa masuk dari China untuk pasaran di negeri ini.

“Rokok putih dirampas sebanyak 10.3 juta batang yang dimuatkan dalam 1,030 kartun dengan nilai RM4.12 juta, selain nilai cukai sebanyak RM7.21 juta.

“Seorang ejen penghantaran lelaki Warga tempatan berusia 41 tahun ditahan bagi membantu siasatan sebelum dilepaskan dengan jaminan RM25,000,” katanya pada sidang me-



Mohammad Hamidan (dua dari kanan) menunjukkan sebahagian rokok putih yang dirampas di Pelabuhan Tanjung Pelepas Gelang Patah, Rabu lalu.
(Foto Omar Ahmad/BH)

dia, di cawangan penguatkuasaan JKDM Gelang Patah, di sini, semalam

Mohammad Hamidan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (G), Akta Kastam 1967.

Sementara itu, di **Kuala Lumpur**, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menahan 12 suspek lelaki tempatan disyaki terbabit dalam pengedaran lebih enam juta rokok seludup yang dianggarkan bernilai RM5 juta, di sekitar Jinjang dan Kepong.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, Datuk Seri

Acryl Sani Abdullah Sani dalam operasi pertama di Jinjang pada Jumaat, lapan lelaki berusia lingkungan 24 hingga 53 tahun ditahan.

Katanya, dalam serbuan itu, polis merampas lebih 2.3 juta batang rokok seludup dianggarkan bernilai hampir RM1.7 juta serta tujuh kenderaan, termasuk lori dan van bernilai RM450,000.

“Semua suspek direman tiga hari sehingga esok (hari ini) mengikut Seksyen 116(c) Akta Kastam 1967 untuk siasatan lanjut, manakala hanya seorang daripada mereka mempunyai rekod jenayah lampau,” ka-

tanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Sementara itu, dalam kes kedua, Acryl Sani berkata, empat lelaki tempatan ditahan kerana disyaki terbabit dalam pengedaran lebih 4.4 juta batang rokok seludup dianggarkan bernilai lebih RM3.3 juta, di sekitar Kepong, di sini kelmarin.

Katanya, polis turut merampas dua lori dianggarkan bernilai RM18,000.

Beliau berkata, semua suspek berusia dalam lingkungan 37 hingga 42 tahun disiasat mengikut Seksyen 135(1) (d) Akta Kastam 1967.